



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKAMUSAN MELAYU : SUMBANGAN DATA KORPUS BERKKOMPUTER

NORLIZA HAJI JAMALUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN BAHASA MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2000**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PERKAMUSAN MELAYU : SUMBANGAN DATA
KORPUS BERKKOMPUTER**

NORLIZA HAJI JAMALUDDIN



**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
MELAYU**

**JABATAN BAHASA MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2000**





DEDIKASI



diabadikan buat...

*ayahanda, Hj. Jamaluddin Kassim
suami tercinta, Samsudin Suhaili,
dan sanak saudara yang bakal
meneruskan kecintaan terhadap ilmu.
Doa dan sokongan kalian amat bermakna.*





PENGHARGAAN

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya disertasi ini dapat disempurnakan akhirnya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim, selaku penyelia yang banyak mencurahkan ilmu, kepakaran dan idea tanpa mengira masa. Segala bimbingan dan tunjuk ajar ini amat dihargai dan amat bermanfaat untuk dijadikan panduan dan pedoman pada masa akan datang.

Terima kasih juga diucapkan kepada Puan Nor Azizah Abu Bakar, Ketua Bahagian Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka atas segala bantuan, kepakaran dan bimbingan dalam usaha penyiapan disertasi ini.

Terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Sanat Md. Nasir, Ketua, Jabatan Bahasa Melayu, En. Nuwairi Hj. Khaza'ai dan pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Melayu atas tunjuk ajar yang diberikan.





Juga penghargaan buat semua pihak yang banyak memberikan kerjasama, iaitu Bahagian Perkamusan, DBP; Bahagian Penyelidikan Bahasa, DBP; Pusat Dokumentasi Melayu, DBP; Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM dan Perpustakaan Negara. Kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Kalungan budi buat staf-staf Projek Kamus Melayu Inggeris Dewan, DBP, Zuraini, Fazira, Zuraidah dan Kak Ton yang banyak mengajar pengkaji cara-cara pendrafan dilakukan. Buat teman-taman terutama Zuraini Ramli dan Hazalifah, terima kasih atas sokongan kalian semasa di Bilik Pengajar Dua, UM.

Norliza Hj. Jamaluddin
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya





ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai aspek pemaknaan dalam perkamusan Melayu, dengan tumpuan khusus terhadap **Kamus Melayu Inggeris Dewan**. Aspek makna yang dibincangkan ialah aspek huraian definisi mengikut amalan pendefinisian COBUILD. Setiap kata entri yang dikaji dihuraikan maknanya berdasarkan analisis terhadap data korpus berkomputer.

Tesis ini mengandungi enam bab. Bab I membincangkan latar belakang kajian, tujuan kajian, skop kajian dan metodologi kajian. Bab II pula membincangkan konvensi leksikografi dan amalan pendefinisian oleh projek COBUILD dan **Kamus Dewan**.

Bab III menerangkan data korpus berkomputer, iaitu peranti utama yang digunakan untuk mentakrif sesuatu kata entri. Bab ini turut membincangkan baris-baris konkordans, iaitu data





yang dikeluarkan daripada data korpus berkomputer. Daripada baris-baris konkordans ini, makna ditentukan berdasarkan kolokasi kata.

Bab IV pula menghuraikan makna perkataan *memotong* berdasarkan baris-baris konkordans yang dijana daripada data korpus. Bagi menghuraikan setiap kata, amalan pendefinisian COBUILD diterapkan. Bab V pula membincangkan perkataan-perkataan yang seperangkat dengan perkataan *memotong*. Daripada analisis terhadap baris-baris konkordans, didapati bahawa setiap perkataan mempunyai persekitaran linguistik yang berbeza.

Bab VI merupakan bab penutup. Dalam bab ini disimpulkan bahawa data korpus amat penting dalam penghasilan sesebuah kamus dan amalan pendefinisian COBUILD amat membantu pengguna kamus untuk memahami sesuatu kata dalam bahasa Melayu.





ABSTRACT

This study is on the definition aspect in Malay lexicography with the focus on **Kamus Melayu Inggeris Dewan**. The definition aspect being discussed in this thesis is on the way the definition is done based on the COBUILD definition practice. The elaboration of every word entry is based on the analysis of the computer corpus data.

There are six chapters in this thesis.



The first chapter provides the background of the study, the objectives, scope and methodology. Chapter II is on the lexicographic convention and definition practice by the COBUILD and **Kamus Dewan** projects.

Chapter III presents the computer corpus data as the most important tool to define any entry word. This chapter also discusses the concordances,





the data which is derived from the computer corpus data. Through these concordances, the definition of a word will be made based on its collocations.

Chapter IV is focusses on the word *memotong*, based on concordances taken from the corpus data. In this case, the COBUILD definition practice will be used. Chapter V concentrates on the words that collocate with the word *memotong*. From the analysis on the concordances, it was found that every words have different linguistic environments.



Chapter VI is the conclusion of the study.



In this chapter, it can be concluded that corpus data is very important in producing a dictionary and the COBUILD definition practice is the great help to the dictionary user in understanding a word in Malay language.



KANDUNGAN

HALAMAN

Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Abstract	vi
Kandungan	viii
Istilah dan Singkatan	xii
Senarai Jadual	xiv

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Definisi Kamus	11
1.3	Latar Belakang Kajian	12
1.4	Tujuan Kajian	22
1.5	Skop Kajian	27
1.6	Metodologi kajian	28
1.6.1	Pengumpulan Data	29
1.6.2	Penganalisan Data	31
1.6.2.1	Penganalisan Data Korpus	31
1.6.2.2	Penganalisan Makna Kamus Dewan Edisi Ketiga	35



BAB 2 : AMALAN PENDEFINISIAN DALAM BIDANG LEKSIKOGRAFI

2.1	Pengenalan	36
2.2	Konvensi Leksikografi	40
2.2.1	Kedudukan Definisi	40
2.2.2	Penggunaan Tanda Kurungan	43
2.2.3	Homonimi, Polisemi dan Metafora	45
2.3	Amalan Pendefinisian Projek COBUILD	
2.3.1	Struktur Penghuraian Definisi	51
2.3.1.1	Struktur Bahagian Pertama	54
2.3.1.2	Struktur Bahagian Kedua	63
2.3.2	Strategi Penghuraian Definisi	
2.3.2.1	Bahagian Pertama Huraian Definisi	67
2.3.2.2	Bahagian Kedua Huraian Definisi	81
2.4	Amalan Leksikografi Kamus Dewan	83
2.4.1	Pentakrifan Makna	84
2.4.2	Pendekatan Mentakrif	86
2.4.3	Kaedah Mentakrif	88
2.4.4	Pertimbangan Utama Dalam Pentakrifan	89
2.4.5	Ciri-ciri dan Kesempurnaan Takrif	90
2.4.6	Penjelasan Lanjutan	91
2.4.7	Contoh Penggunaan Kata	92
2.5	Kesimpulan	92



BAB 3 : DATA KORPUS

3.1	Pengenalan	95
3.2	Pengumpulan Data Secara Manual	97
3.3	Pengumpulan Data Secara Berkomputer	102
3.3.1	Pembinaan Data Korpus	106
3.3.2	Konkordans	113
3.3.3	Kolokasi	121
3.4	Kesimpulan	126

BAB 4 : HURAIAN DEFINISI PERKATAAN MEMEOTONG

4.1	Pengenalan	127
4.2	Analisis Konkordans	127
4.3	Huraian Makna Berdasarkan COBUILD	135
4.3.1	Struktur Penghuraian Definisi	135
4.3.1.1	Struktur Bahagian Pertama	136
4.3.1.2	Struktur Bahagian Kedua	149
4.3.2	Strategi Penghuraian Definisi	154
4.3.2.1	Bahagian Pertama Huraian Definisi	155
4.3.2.2	Bahagian Kedua Huraian Definisi	158
4.4	Kesimpulan	159

BAB 5 : PERANAN KOLOKASI DALAM HURAIAN DEFINISI

5.1	Pengenalan	162
5.2	Kolokasi Sebagai Pembeza Makna	162
5.3	Perbandingan Makna dengan Kamus Dewan Edisi Ketiga	178
5.3.1	Amalan Pendefinisian	179
5.3.2	Perbandingan Makna	185
5.4	Kesimpulan	189

BAB 6 : PENUTUP

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN



Istilah atau Singkatan

AKM	:	Analisis Komponen Makna
APC	:	Amalan Pendefinisian COBUILD.
COBUILD	:	Akronim bagi <i>Collins the Publisher and Birmingham University International Language Database</i> .
<i>Definiendum</i>	:	Kata entri yang diletakkan dalam struktur makro.
<i>Definiens</i>	:	Definisi atau makna yang diletakkan dalam struktur mikro.
DKB	:	Data Korpus Berkomputer
Kamus	:	Buku yang mengandungi daftar kata dan keterangan tentang kata tersebut dari segi makna, ejaan, sebutan dan maklumat tatabahasa.
KD3	:	Kamus Dewan Edisi Ketiga.
KMID	:	Kamus Melayu Inggeris Dewan.
Kolokasi	:	Sekumpulan perkataan yang mempunyai makna tertentu apabila perkataan itu wujud bersama-sama.
Konkordans	:	Barisan petikan penggunaan sesuatu kata daripada sekumpulan data korpus, dengan kata yang hendak dikaji diletakkan di tengah-tengah baris.





- Korpus berkomputer : Himpunan teks, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan yang disimpan dan diproses di dalam komputer untuk tujuan linguistik.
- Ko-teks : Kata yang hadir di sebelah kiri atau kanan sesuatu kata kunci (KWIC). Istilah ini lebih tepat berbanding konteks tetapi amat jarang digunakan.
- KWIC : *Key word in context* ialah perkataan yang hadir di tengah-tengah baris konkordans dengan beberapa perkataan di sebelah kiri dan kanannya.
- Leksikografi : Aktiviti atau hal yang bersangkutan dengan penyusunan sesebuah kamus.
- Nukleus : Huraian semula sesuatu topik atau menghuraikan makna topik tersebut.
- Operator : Unsur yang menandakan struktur sebenar sesuatu ayat.
- Rentang : Ukuran perkataan sesuatu ko-teks bagi sesuatu kata kunci. Rentang + 4 bermaksud 4 perkataan hadir di sebelah kanan dan kiri kata kunci.
- Topik : Kata entri atau perkataan yang hendak diterangkan dalam sesebuah kamus.





SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Aspek yang Dikehendaki dalam Kamus
- Jadual 2 : Struktur Asas Huraian Definisi
- Jadual 3 : Struktur Laporan
- Jadual 4 : Analisis Bahagian Kedua: Kelompok Pertama
- Jadual 5 : Analisis Bahagian Kedua: Kelompok Kedua
- Jadual 6 : Projek Korpus Berkomputer di Seluruh Dunia
- Jadual 7 : Objek yang Melakukan Perbuatan *Memotong*
- Jadual 8 : Bahagian Pertama Huraian Definisi
- Jadual 9 : Bahagian Kedua Kelompok Pertama
- Jadual 10 : Bahagian Kedua Kelompok Kedua
- Jadual 11 : Perkataan yang Hampir Sama dengan Perkataan *Memotong*
- Jadual 12 : Jumlah Makna Perkataan *Memotong* dan Perkataan yang Seperangkat
- Jadual 13 : Perbandingan Amalan Pendefinisian
- Jadual 14 : Perbandingan Jumlah Makna





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Titik permulaan sejarah perkamusan Melayu sehingga kini masih belum dapat dipastikan. Terdapat dua pandangan tentang tarikh bermulanya bidang perkamusan di alam Melayu. Golongan sarjana pertama menyatakan bahawa bidang perkamusan bukanlah suatu gejala yang baharu (Teeuw. A., 1964: 388-389). Kegiatan ini dikatakan telah ada sejak masyarakat di rantau ini mengenali sistem tulisan dan pelbagai cabang ilmu akibat daripada pertembungan dua budaya yang berlainan bahasa dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pertembungan ini berlaku kerana kemasukan pengaruh asing atau melalui penjajahan sesuatu bangsa terhadap bangsa lain.

Tanpa disedari, pertembungan antara dua budaya yang berlainan bahasa ini menimbulkan keinginan untuk mencari padanan kata sesuatu





bahasa dengan bahasa yang dituturkan oleh mereka. Ini telah melahirkan kegiatan menterjemah kosa kata sesuatu bahasa asing. Contohnya, dalam lingkungan kebudayaan Melayu-Indonesia telah ada kamus Sanskrit-Jawa Kuno, yang berusia lebih daripada 1000 tahun. Justeru dalam kebudayaan Asia Tenggara, bidang perkamusan tidak merupakan satu gejala yang baharu.

Bahkan bahasa Melayu untuk beberapa abad lamanya telah menjadi *lingua franca* bukan sahaja dalam perhubungan perniagaan di kepulauan Melayu, malahan memainkan peranan yang penting dalam bidang keagamaan, falsafah dan kesusasteraan. Apa yang jelas, bahasa Melayu seringkali dikaitkan dengan kebudayaan Islam di rantau ini (A. Wahab Hamzah, 1991: 34). Oleh itu, pada abad ke-13 dan ke-14, kemasukan agama Islam telah membawa perubahan di seluruh kepulauan Melayu. Kemasukan Islam telah membawa satu sistem tulisan baharu, iaitu tulisan Jawi. Untuk menerangkan hal-hal yang bersangkutan dengan ajaran-ajaran agama, hukum-hakam, cara beribadat dan kebesaran tokoh-tokoh





dalam sejarah Islam, tulisan Jawi telah digunakan (Ismail Hussain, 1992: 33). Bagi menjelaskan kefahaman tentang ajaran tersebut, kamus telah dihasilkan. Malangnya tidak terdapat bukti-bukti yang lengkap tentang penghasilan kamus ini.

Walau bagaimanapun, kewujudan beribu-ribu manuskrip Melayu sejak abad ke-16 terbukti bahawa masyarakat Melayu telah terlibat secara meluas dalam aktiviti-aktiviti bahasa dan penulisan. Malahan, dengan adanya pujangga-pujangga dan pengarang-pengarang ulama terbukti masyarakat Melayu pada waktu itu merupakan masyarakat yang tergolong dalam golongan intelektual. Ini adalah kerana terdapat aktiviti-aktiviti penulisan dan penyalinan semula manuskrip-manuskrip Melayu di seluruh Nusantara. Mereka juga tidak merupakan masyarakat yang buta huruf (Siti Hawa Salleh, 1994: 3-4). Bukti-bukti yang ada pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka dan kegemilangan kerajaan Islam Aceh ini menunjukkan tanda-tanda positif penghasilan kamus (Ibrahim Ahmad, 1992: 1086).





Namun begitu, golongan sarjana kedua pula berpendapat bahawa dalam sejarah persuratan Melayu, kegiatan perkamusan Melayu hanya tercatat sebagai bermula seawal abad ke-15, iaitu dengan lahirnya daftar kata Cina-Melayu. Menurut E.D. Edwards dan C.O. Blagden dalam tulisan mereka yang bertajuk *A Chinese Vocabulary of Malacca Malay Word and Phrases Collected Between A.D 1403 and 1511(?)*,

"The earliest of all, not dated but believe to come from fifteenth century Malaka, is a Chinese-Malay vocabulary containing 482 entries; it is written wholly in Chinese characters, which are employed both to give the Chinese word and for a transcription of the sound of the Malay word"



(Jones, Russell 1984: v)

Tambah beliau lagi, senarai kata Pigafetta hanya terbit setelah daftar kata Cina-Melayu muncul (Edwards dan Blagden, 1930-32: 716)

Menurut Yang Quee Yee, daftar kata awal ini diterbitkan di negara China dan nama Cinanya ialah *Man La Jia Guo Yi Yu*, iaitu Senarai Perkataan Negeri Melaka (Liang Liji, 1994:2). Tahun 1403-1511(?) dicatatkan sebagai tarikh





terhasilnya daftar kata ini kerana berdasarkan bukti bahawa dalam jangka waktu tersebut negara China, semasa pemerintahan Dinasti Ming, telah mempunyai hubungan diplomatik dengan Melaka. Keakraban kedua-dua empayar ini menyebabkan bangsa Cina merasakan perlu suatu daftar kata dihasilkan bagi membolehkan mereka menguasai bahasa Melayu yang banyak digunakan dalam pergaulan seharian. Malahan, kosa kata yang terdapat di dalamnya juga berkait rapat dengan hal-hal seperti angin, sungai, penghantaran ufti dan kosa kata lingkungan istana. Ini menunjukkan bahawa daftar kata ini tidak bertujuan untuk kepentingan awam tetapi untuk keperluan pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai istana Dinasti Ming. Daftar kata ini menunjukkan bahawa kewujudannya sebelum kedatangan Portugis ke Melaka. Ini adalah kerana tiadanya kosa kata Portugis dalam kosa kata tersebut (Linehan, W., 1948: 184).

Biarpun terdapat pandangan yang berbeza-beza tentang titik permulaan bidang perkamusan Melayu, yang pastinya perkamusan Melayu bermula





dengan kamus dwibahasa. Kedatangan orang-orang Eropah yang bermula dengan Portugis pada tahun 1511 ke rantau ini, diikuti oleh Belanda dan Inggeris pada abad ke-16 dan ke-17, telah menggiatkan lagi usaha penyusunan dan pengumpulan kosa kata bahasa Melayu. Antaranya daftar kata Itali-Melayu susunan Antonio Pigafetta antara tahun 1519-1522 (Darwis Harahap, 1992:27). Daftar kata ini diberi judul *Vocaboli de questi Popoli Mori* (Ismail Dahaman, 1990:617). Ini diikuti dengan daftar kata Cornelis de Houtman, iaitu daftar kata Belanda-Melayu dalam tahun 1596 (Hamilton, A.W., 1947: 20-25). Ferderick de Houtman pula menghasilkan *Spraeck ende Woordboek, Inde-Malaeyshe ende Madagaskarshe Talen*, iaitu kamus Melayu-Madagaskar pada tahun 1630 (Abdullah Hassan, 1987: 105). Didapati, sebelum abad ke-20, jumlah kamus dwibahasa jauh lebih banyak daripada kamus ekabahasa (Asmah Haji Omar, 1987: 4).

Kemungkinan tidak timbulnya keperluan untuk menggunakan kamus di kalangan orang Melayu pada masa yang lebih awal adalah kerana orang





Melayu sendiri yang melakukan aktiviti terjemahan, sama ada dari bahasa Sanskrit atau bahasa Arab ke bahasa Melayu (Siti Hawa Salleh, 1994: 5). Sedangkan, kewujudan kamus dwibahasa dalam bentuk daftar kata pada abad-abad yang awal adalah untuk memenuhi keperluan pedagang-pedagang luar. Menyedari peri pentingnya satu daftar kata untuk memudahkan urusan perdagangan dan komunikasi dengan rakyat tempatan, maka diusahakan daftar kata dwibahasa (Abdullah Hussain, 1970: 340). Walaupun usaha dilakukan secara sambilan, tetapi usaha ini telah mendorong penghasilan kamus-kamus yang berikutnya dan secara tidak langsung kamus dwibahasa yang diusahakan oleh orang-orang Eropah telah menjadi kesinambungan dalam bidang perkamusan Melayu di rantau ini.

Kemunculan kamus ekabahasa bahasa Melayu hanyalah pada akhir abad ke-19. Jumlah yang dihasilkan pula amat sedikit berbanding dengan kamus dwibahasa. Hal sedemikian ini terjadi kerana kamus Melayu dalam bentuk ekabahasa hanya mampu dihasilkan dan dimanfaati oleh orang yang benar-





benar mahir dalam bahasa Melayu, iaitu penutur aslinya. Namun jumlah penutur asli bahasa Melayu yang celek huruf pada ketika itu amat sedikit. Ini menyebabkan kelewatan penghasilan kamus ekabahasa. Hanya pada tahun 1858 baharulah **Kitab Pengetahuan Bahasa**, iaitu kamus loghat Melayu Johor Pahang Riau Lingga dihasilkan oleh Raja Ali Haji. Kamus ini hanya diterbitkan 70 tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1927 (Roff, W., 1975: 59). Syed Mahmud Abdul Kadir al-Hindi pula telah menyusun **Kamus al-Mahmudiah** pada tahun 1894.



Situasi penyusunan kamus ekabahasa bertambah baik pada abad ke-20. Antara kamus yang dihasilkan ialah **Kitab Benih Bahasa** (1917) susunan Fadhil Jaafar, **Kamus Melayu** (1935) susunan Shamsudin Yunos al Haj, **Buku Katan** (1936) susunan Haji Mohd. Said Haji Sulaiman, **Kamus Am Bahasa Melayu** (1957) oleh Che Yusof Ahmad et al. dan **Kamus Bahasa Melayu** susunan R.O.Winstedt pada tahun 1960 (Zainab Awang Ngah, 1990: 15-23).





Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 22 Jun 1956 sebagai sebuah jabatan dan kenaikan tarafnya pada tahun 1959 menjadi sebuah badan berkanun telah memperlihatkan tahap kecemerlangan dalam dunia perkamusan Melayu. Sejajar dengan matlamat ke-5 Undang-undang DBP 1959, bahagian 5, DBP perlu menerbitkan sebuah kamus bahasa kebangsaan. Berhubungan dengan perkara tersebut, pada tahun 1970 lahirlah **Kamus Dewan** edisi pertama. Kamus setebal 1372 halaman ini mengandungi 280 000 kata entri (Abdullah Hussain, 1970:333). Kamus ini disusun berdasarkan empat sumber utama, iaitu :

- i. Petikan daripada beberapa buah kamus yang telah ada seperti kamus susunan Wilkinson, Winstedt, Poerwadarminta dan St. Mohd. Zain.
- ii. Petikan yang diambil daripada akhbar-akhbar, majalah-majalah, novel-novel, buku-buku teks dan buku-buku klasik.
- iii. Perkataan-perkataan daripada orang perseorangan.
- iv. Istilah-istilah yang terpilih.

(Abdullah Hussain, 1970:342)

Bagi memantapkan lagi isi kandungannya **Kamus Dewan** telah dikemaskinikan dari semasa ke





semasa. Pada tahun 1984, **Kamus Dewan** telah dicetak untuk kali yang kedua. Cetakan kedua ini dihasilkan dengan beberapa perubahan, antaranya perubahan dari segi ejaan, iaitu mengikut sistem ejaan baharu, pindaan terhadap takrif perkataan, pemecahan takrif dan pertambahan kata entri. Mutu **Kamus Dewan** terus dipertingkatkan dengan penerbitan **Kamus Dewan** Edisi Baru pada tahun 1989. Dalam edisi ini sebanyak 2000 kata entri telah ditambah.

Pada tahun 1996 pula **Kamus Dewan** Edisi Ketiga dihasilkan. Dalam Edisi Ketiga ini terdapat lima jenis pengemaskinian telah dilakukan, iaitu penambahan sebanyak 6000 kata masukan baharu meliputi 3972 kata dasar dan 2028 kata terbitan, penambahan makna baharu, pembetulan fakta (terutamanya kata yang berkaitan dengan bidang keagamaan), pembetulan aspek tatabahasa dan penyelarasan serta pengubahsuaian sistem kamus (**Kamus Dewan**, 1996:xi-xxxiv).





1.2 Definisi Kamus

Zgusta mendefinisikan kamus sebagai buku yang mengandung item leksikal seperti perkataan, frasa atau istilah tertentu yang lazimnya disusun mengikut urutan abjad, memberi keterangan tentang sebutan, ejaan, etimologi, makna, bentuk penggunaan sesuatu perkataan, padanan makna yang sama dengan menggunakan satu bahasa atau lebih, bahagian-bahagian pertuturan atau data tatabahasa (Hartmann, 1973:66).

Harimurti Kridalaksana (1983:73)



menyatakan kamus ialah buku rujukan yang memuatkan daftar kata atau golongan kata dengan keterangan mengenai pelbagai segi maknanya, penggunaannya dalam bahasa dan biasanya disusun mengikut urutan abjad. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kamus merupakan buku yang mengandungi perkataan bagi sesuatu bahasa, disusun mengikut urutan abjad, diberi makna bagi setiap perkataan yang menjadi kata entri, juga dimasukkan keterangan-keterangan lain yang bersangkutan dengan perkataan tersebut.





Bidang leksikografi pula bermaksud segala aktiviti atau hal yang bersangkutan dengan penyusunan sesebuah kamus. Secara khusus, perkamusan merupakan cabang daripada linguistik terapan yang mencakup metode dan teknik penyusunan kamus (Harimurti, 1983:98). Ruang lingkup disiplin perkamusan memang luas. Mandala leksikografi bukan sahaja meliputi input-input linguistik, tetapi juga input-input bukan linguistik. Oleh itu, penyusun kamus perlu mengetahui teori leksikografi yang berkaitan dengan sistem leksikal, antaranya semantik, leksikologi, morfologi, sintaksis, psikologi, analisis wacana, pragmatik dan stilistik. Pengetahuan yang mendalam dalam bidang tersebut akan membantu penghasilan kamus yang bermutu tinggi.

1.3 Latar Belakang Kajian

Bidang leksikografi di barat telah berkembang dan menjadi suatu kepakaran profesional sejak dahulu lagi. Hasil tulisan Samuel Johnson,





Plan of a Dictionary of the English Language pada Ogos 1747 merupakan sebuah dokumen yang benar-benar bermakna dalam bidang leksikografi (Landau, Sidney, I., 1984: 48-51). Ini kerana tulisan beliau merupakan titik bermulanya sains leksikografi di sini (Ibrahim Ahmad, 1994: 136). Beliau juga telah menghasilkan kamus **A Dictionary of the English Language** sebanyak dua jilid pada tahun 1755. Tradisi leksikografi yang besar juga dikaitkan dengan nama Noah Webster yang merupakan pesaing Johnson di Amerika. Antara kamus besar yang dihasilkannya ialah **An American Dictionary of the English Language** pada tahun 1828 juga dalam dua jilid (Hulbert, J.R., 1968: 26). Kedua-dua tokoh awal ini telah memberikan sumbangan yang besar sehingga ke hari ini.

Penerus tradisi leksikografi kini, antaranya seperti Robert Burchfield (**Kamus Oxford**), J.M.Sinclair (**Kamus Collins** dan **COBUILD**) dan Pierre Labrousse, telah memperlihatkan bahawa kerja penyusunan kamus merupakan suatu proses intelektual dan akademik sifatnya. Selain itu,





nama seperti Ladislav Zgusta, Sidney I. Landau, R.R.K. Hartmann dan Robert F. Ilson dikaitkan dengan penyusunan serta penghasilan karya-karya yang bersangkutan dengan bidang ini. Sarjana-sarjana ini, dari semasa ke semasa, mengemukakan pelbagai pendekatan dan metodologi leksikografi.

Malahan, di barat terdapat pelbagai persatuan leksikografi, antaranya European Association for Lexicography (EURALEX), Dictionary Research Centre (DRC) dan Dictionary Society of North America (DSNA). Persatuan-persatuan ini seringkali menganjurkan kolokium, simposium atau seminar leksikografi bagi mencetuskan idea dan perbincangan tentang sains leksikografi (Tomaszczyk, Jerzy dan Barbara Lewandowska, 1990: xi). Sebuah jurnal yang khusus membicarakan persoalan leksikografi, iaitu *International Journal of Lexicography* telah diterbitkan oleh Oxford University Press sejak tahun 1988. Jurnal ini memuatkan kertas-kertas kerja yang bersangkutan dengan bidang ini. Antara aspek yang dibincangkan adalah dari segi teoritikal dan





pratikal; diakronik dan sinkronik; kamus ekabahasa dan dwibahasa. Penyumbang kertas kerja terdiri daripada sarjana-sarjana yang bergiat dalam bidang leksikografi.

Berbanding dengan rantau ini, kajian terhadap leksikografi agak lewat sedikit. Masih tidak ramai pengkaji tempatan yang memperdalam bidang ini secara ilmiah, terutama dalam bentuk tesis di peringkat sarjana atau kedoktoran. Kebanyakan persoalan leksikografi dihasilkan dalam bentuk artikel yang diterbitkan di dalam majalah *Jurnal Dewan Bahasa*. Antara artikel awal yang membicarakan persoalan leksikografi ini ialah artikel yang ditulis oleh Yusuf Hitam (1961), iaitu *Kamus Melayu Sejak 1511*. Artikel ini menyentuh aspek sejarah perkembangan perkamusan Melayu. Beliau telah membahagikan bidang perkamusan Melayu kepada tiga peringkat, iaitu peringkat Daftar Perkataan (1511-1631), Tatabahasa dan Kamus (1631-1850) dan Kamus (1850-1960). Pada tahun 1964, A.Teeuw pula menulis *Tentang Kamus dan Perkamusan Melayu*. Beliau telah membicarakan hal





yang bersangkutan dengan kamus ekabahasa dan cara penyusunan kamus.

Selepas terbitnya **Kamus Dewan** pada tahun 1970, barulah topik-topik yang membincangkan aspek perkamusan semakin mendapat perhatian. Pada tahun yang sama Abdullah Hussain telah menulis artikel berkaitan persoalan ejaan, struktur, semantik dan kata majmuk dalam sesebuah kamus. Abdullah Chaer Mad'ie pula telah membincangkan persoalan penjenisan kamus, aspek penghasilan kamus yang baik dan manfaat kamus dalam pengajaran bahasa. Asmah Haji Omar telah menghasilkan beberapa makalah berkaitan bidang perkamusan. Antaranya *The Descriptive-Prescriptive Dictionary : Review Article of Kamus Dewan (1971)*, *A Descriptive and Critical Account of the Development of Malay Lexicography (1975)* dan *Perkamusan Melayu : Satu Penilaian (1987)*. Beliau, melalui artikel-artikel yang dihasilkan, turut membincangkan sejarah perkamusan Melayu dan beberapa permasalahan dalam kamus khususnya kamus ekabahasa bahasa Melayu, iaitu **Kamus Dewan**.





Selain itu, petugas-petugas di bahagian Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka turut menyumbangkan artikel yang diterbitkan di dalam majalah *Pelita Bahasa* dan *Jurnal Dewan Bahasa*. Antaranya seperti Noresah Baharom, Rusli Abdul Ghani, Ibrahim Ahmad dan Amdun Hussain. Artikel-artikel yang dihasilkan membincangkan sejarah perkamusan Melayu, medan maklumat yang perlu hadir di dalam sesebuah kamus, khususnya kamus umum, dan usaha-usaha untuk memantapkan lagi **Kamus Dewan**. Koleksi artikel yang pernah tersiar di dalam *Jurnal Dewan* dan *Pelita Bahasa* untuk tempoh masa 1990-1992 ini telah dibukukan oleh Ibrahim Ahmad.



Buku yang disusun oleh Ibrahim Ahmad ini berjudul **Perkamusan Melayu Suatu Penilaian** telah diterbitkan pada tahun 1994. Buku ini merupakan buku pertama yang membincangkan bidang leksikografi, khususnya leksikografi Melayu dari pelbagai aspek. Buku **Lexicography : Principles and Practice** susunan R.R.K. Hartmann yang diterbitkan pada tahun 1983 telah diterjemahkan sepuluh tahun kemudiannya oleh Zainab Ahmad ke dalam versi bahasa Melayu. Ini secara tidak langsung telah





menambahkan lagi jumlah buku leksikografi dalam bahasa Melayu.

Pada Disember 1994, Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Seminar Perkamusan Melayu. Seminar yang julung-julung kalinya ini telah meninjau perkembangan perkamusan Melayu di Nusantara, membincangkan aspek-aspek teoretis, menimbulkan persoalan dalam proses penyusunan kamus Melayu serta dapat menghimpunkan pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang ini seperti ahli-ahli leksikografi tempatan dan luar negeri serta penerbit dan pengguna kamus. Dalam seminar ini juga Zainal Abidin Safarwan telah dinobatkan sebagai Tokoh Perkamusan Malaysia. Penganugerahan yang pertama kalinya ini adalah sebagai penghargaan terhadap pengabdian beliau dalam bidang ini selama lebih kurang 36 tahun. Penganugerahan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kini, bidang leksikografi telah mendapat perhatian di kalangan masyarakat, khususnya di kalangan ilmuwan.





Menyedari pentingnya bidang leksikografi, maka bidang ini diperkenalkan sebagai salah satu disiplin di universiti-universiti tempatan, antaranya Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Malaya bermula pada sesi 1994/1995. Kesan daripada itu, kajian-kajian yang bersifat ilmiah di peringkat Ijazah Pertama semakin banyak dihasilkan. Antaranya latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Norliza Hj. Jamaluddin (1994), Mohd. Fazli Omar (1995), Zuraini Ramli (1995) dan Hasnan Zainudin (1995). Latihan Ilmiah yang dihasilkan ini membincangkan amalan-amalan leksikografi dalam kamus-kamus awal seperti **Kamus Al-Mahmudiah**, **Kamus Marsden**, **Buku Katan** dan **Kamus R.J. Wilkinson**. Pola kesinambungan makna dalam setiap kamus dengan bahasa Melayu kini turut dibincangkan. Nor Ashikin Omar (1994) pula membincangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya Bahagian Perkamusan sebagai sebuah badan yang bertanggung jawab dalam menghasilkan kamus.

Sementara itu, latihan ilmiah Norlaili Talib (1995) pula mengetengahkan tokoh perkamusan





Malaysia, iaitu Zainal Abidin Safarwan serta meneliti aspek-aspek menarik yang terdapat dalam kamus sinonim yang telah dihasilkan oleh tokoh ini. Walaupun sebelum itu terdapat latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Fatimah Ahmad (1992), tetapi beliau tidak membincangkan aspek-aspek leksikografi yang terdapat dalam kamus-kamus tertentu, misalnya **Kamus Dewan**. Beliau lebih banyak membincangkan aspek-aspek leksikal, morfologi dan semantik. Di peringkat sarjana pula hanya terdapat satu sahaja tesis yang memberikan tumpuan khusus terhadap bidang leksikografi, iaitu *Proses Pembentukan Kata Dalam Leksikografi Melayu: Tumpuan kepada **Kamus Dewan*** (Salinah Ja'afar, 1995). Tesis ini meneliti aspek-aspek pembentukan kata dan empat peranti asas pendefinisian kata entri yang terdapat dalam **Kamus Dewan**.

Dalam bidang leksikografi, salah satu subdisiplinnya ialah bidang semantik. Jika ditinjau bidang ini, khususnya semantik leksikal, bidang ini tidak merupakan bidang yang baharu di Malaysia. Telah banyak kajian yang dijalankan





dalam bidang ini sama ada di peringkat latihan ilmiah, sarjana, mahu pun kedoktoran. Terdapat pengkaji yang menjadikan kamus sebagai sumber kajian semantik, antaranya seperti Aishah Mahdi (1991), Indirawati Hj. Zahid (1995) dan Asha Doshi (1997). Dalam kajian ini mereka menggunakan kaedah Analisis Komponen Makna (AKM) untuk menghuraikan semantik leksikal dalam kamus yang dikaji. Berdasarkan kaedah tersebut, Aishah Mahdi menghuraikan perubahan atau pengekalan makna bagi entri yang dipilih dalam kamus dwibahasa yang dijadikan sumber kajian. Indirawati Haji Zahid pula menggunakan kaedah yang sama untuk meneliti leksikal kata nama yang terdapat dalam kamus peribahasa. Dalam kajian Asha Doshi, selain kaedah AKM, beliau juga menggunakan Analisis Konseptual. Beliau secara tidak langsung menerangkan bagaimana kamus dwibahasa memerikan makna, iaitu sama ada melalui kaedah padanan makna, definisi atau huraian ringkas. Ketiga-tiga pengkaji ini tidak mengkaji secara khusus bagaimana sesuatu perkataan itu diberikan dan amalan leksikografi yang diterapkan dalam sesebuah kamus.





Satu aspek yang masih kurang mendapat perhatian ialah aspek pemaknaan dalam sesebuah kamus. Justeru kajian ini akan menumpukan perhatian kepada aspek pemaknaan dan bagaimana data korpus membantu memerikan makna dalam sesebuah kamus.

1.4 Tujuan Kajian

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menghuraikan aspek pemaknaan dalam bidang perkamusan Melayu dengan tumpuan khusus terhadap **Kamus Melayu Inggeris Dewan (KMID)**. **KMID** merupakan kamus dwibahasa yang mempunyai kata masukan bahasa Melayu. Setiap kata masukan ini diberi huraian definisi dalam bahasa Melayu juga. Walau bagaimanapun, setiap makna dan contoh ayat diberikan padanannya dalam bahasa Inggeris. Contohnya kata masukan *memotong*.

Jika seseorang **memotong** haiwan seperti lembu, kerbau, ayam, itik dsb, dia mengerat leher haiwan tersebut dengan menggunakan alat yang tajam seperti pisau untuk mematikkannya bagi tujuan mendapatkan daging haiwan tersebut.

padanan *slaughter*





Walaupun kamus yang dikaji ialah kamus dwibahasa, namun bahagian yang menjadi tumpuan kajian ialah bahagian penghuraian makna bahasa Melayu. Ini bererti kata entri dan huraian makna yang dikaji ialah bahagian bahasa Melayu sepenuhnya. Huraian makna dalam bahagian yang dikaji ini sama seperti kamus ekabahasa, iaitu makna sesuatu kata dihuraikan dengan menggunakan bahasa yang sama dengan kata entri yang diperikannya.

Tujuan ini berdasarkan peri pentingnya aspek pemaknaan dalam penghasilan sesebuah kamus.



Memang telah dipersetujui oleh ahli-ahli leksikografi bahawa aspek pemerian makna merupakan aspek yang paling sukar untuk ditangani, khususnya dalam kamus ekabahasa. Ini tidak bererti bahawa pemerian makna dalam kamus dwibahasa mudah, tetapi kamus dwibahasa hanyalah memberikan padanan sesuatu perkataan. Hal ini berbeza daripada kamus ekabahasa; takrifan sesuatu kata perlu menggunakan kata daripada bahasa yang sama. Kegagalan memerikan makna yang tepat akan menjejaskan mutu





dan wibawa sesebuah kamus sebagai buku rujukan yang dapat memberikan maklumat yang jitu tentang sesuatu entri, iaitu perkataan.

Kedua, secara khusus kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan data korpus berkomputer sebagai bahan yang penting dalam penghasilan kamus ekabahasa. Ini adalah kerana bagi mencari konteks makna, takrif dan hubungan sesuatu leksikal, korpus, konkordans dan kolokasi perlu diandal sebagai alat bantu mencerap fenomena penggunaan bahasa. Korpus ialah himpunan teks, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan yang disimpan dan diproses di dalam komputer untuk tujuan linguistik (Renouf, A., 1987: 1). Konkordans pula ialah barisan petikan penggunaan sesuatu kata daripada sekumpulan data korpus, dengan kata yang hendak dikaji diletakkan di tengah-tengah baris (Noresah Baharom, 1994 :9), sementara kolokasi, menurut Sinclair (1991:170), ialah "occurrence of two or more words within a short space of each other in a text". Ketiga-tiga kaedah ini merupakan sumber penting sebagai bukti





leksikografi. Tambahan pula, dalam kamus ekabahasa takrifan dibuat secara takrifan sedutan. Takrifan sedutan bermaksud makna yang diberikan dalam sesebuah kamus berasaskan ayat-ayat contoh yang terkandung dalam sesebuah korpus (Noresah dan Rusli, 1990 :867-868). Oleh itu, korpus merupakan peranti yang paling utama dalam penghasilan sesebuah kamus. Malahan, semakin besar saiz korpus, semakin tepat takrifan yang boleh dihasilkan oleh sesebuah kamus.

Ketiga, kajian ini akan mengetengahkan huraian makna seperti amalan yang dilakukan oleh Projek COBUILD. Amalan yang dilakukan oleh COBUILD ialah penghuraian definisi dalam bentuk perenggan. Dan setiap perenggan huraian definisi terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan kedua. Amalan pendefinisian seperti ini dipilih kerana huraian yang ditunjukkan bukan sekadar memberikan makna sesuatu kata tetapi juga dapat menunjukkan bagaimana sesuatu kata itu digunakan. Malahan, huraian seperti ini juga mampu menunjukkan bentuk tipikal sesuatu kata.





Keempat, kajian ini juga akan meneliti sejauh mana kolokasi dapat membantu penyusun kamus membezakan makna satu perkataan dengan perkataan yang seperangkat dengannya secara jelas. Ini adalah kerana melalui kolokasi sesuatu perkataan akan membawa maksud tertentu apabila berkolokasi dengan perkataan tertentu dan membawa maksud yang lain apabila berkolokasi dengan perkataan lain. Justeru kolokasi yang diteliti dapat mengelakkan seseorang penyusun daripada terlalu kerap menggunakan sinonim apabila mentakrif sesuatu kata kerana perkataan yang diberi sinonim itu tidak sama sepenuhnya dengan sesuatu kata entri dalam semua keadaan.



Perbandingan takrifan yang diberikan oleh **Kamus Dewan** Edisi Ketiga dengan takrifan yang dihasilkan melalui analisis data korpus merupakan tujuan kelima kajian ini. Melalui perbandingan ini, dilihat persamaan dan perbezaan antara takrifan **Kamus Dewan** dengan takrifan melalui analisis data korpus berkomputer.





Akhir sekali, diharap kajian ini akan meningkatkan lagi jumlah penyelidikan secara ilmiah dalam bidang leksikografi Melayu, khususnya aspek pemaknaan. Kajian leksikografi Melayu masih kecil jumlahnya, sedangkan terdapat beberapa permasalahan yang perlu ditangani.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini terhad kepada aspek pemaknaan bagi kata kerja dalam medan *pemotongan*. Kamus yang dikaji ialah **KMID**. Walau bagaimanapun, kamus ini masih dalam proses penyusunan. **KMID** dipilih sebagai sumber kajian kerana kamus ini menggunakan amalan pendefinisian yang hampir sama dengan amalan pendefinisian oleh COBUILD dan dianggap sebagai kamus perintis yang menggunakan amalan leksikografi yang berbeza daripada kamus-kamus yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit yang lain sebelum ini. Malahan, kamus ini disifatkan sebagai kamus yang paling utama dan dijadikan pegangan bagi rujukan makna





perkataan Melayu pada masa hadapan. **KMID** juga boleh dijadikan landasan bagi penyusunan kamus-kamus lain pada masa akan datang.

Secara khusus, kata kerja dalam medan *pemotongan* yang dikaji ialah kata kerja transitif aktif dengan awalan *men-*. Oleh itu, antara kata entri yang dikaji ialah entri *memotong*, *mengerat*, *mencantas*, *menyembelih*, *menggunting* dan *menarah*. Walau bagaimanapun, kata kerja pasif dengan awalan *di-* juga dianalisis bagi melihat perkataan-perkataan tertentu yang kerap berkolokasi dengan kata kunci berawalan *di-* tetapi agak kurang dengan awalan *men-*. Tambahan pula kedua-dua awalan ini merupakan awalan bagi kata kerja transitif. Yang membezakannya hanyalah bentuk aktif dan pasif sahaja. Tetapi, subjek dan objek bagi kedua-dua bentuk itu adalah sama.

1.6 Metodologi Kajian

Beberapa langkah telah diambil untuk melaksanakan kajian ini.





1.6.1 Pengumpulan Data

Untuk mengumpulkan data yang dikaji, teori medan makna digunakan. Menurut teori ini, sekumpulan perkataan dalam bidang tertentu yang mempunyai persamaan semantik dirangkumkan ke dalam medan yang sama. Dalam kajian ini, medan yang dipilih ialah *pemotongan*. Oleh itu, perkataan seperti *memotong*, *mengerat*, *menggunting*, *menyembelih* dan *menarah* diletakkan di bawah medan yang sama kerana merupakan medan pemotongan.

Bagi memperoleh data yang dikaji, **Kamus Sinonim** susunan Zainal Abidin Safarwan yang diterbitkan pada tahun 1984 dan dicetak oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd digunakan. Kamus ini digunakan terlebih dahulu untuk mendapatkan berbagai-bagai perkataan yang hadir dalam medan pemotongan. Ini adalah kerana tugas kamus sinonim adalah menyenaraikan perkataan-perkataan yang sama ertinya dengan kata entri. Beberapa langkah dilakukan untuk mendapatkan data:





- i. Memilih satu kata entri dari medan pemotongan dan disenaraikan sinonim-sinonimnya.
- ii. Setelah itu, sinonim tersebut dijadikan kata entri. Begitu juga sinonim yang hadir berikutnya. Sinonim tersebut dijadikan kata entri untuk mendapatkan sinonim yang lain. Contohnya:

*memotong : mengerat, mengabung,
menampang, meragas,
melilis ...*
*mengerat : memunggal, memotong,
membacuk, mematahkan,
mengudungkan...*



Walau bagaimanapun, tidak semua perkataan yang terdapat dalam kamus ini dikaji. Ini adalah kerana terdapat perkataan yang dimuatkan dalam **Kamus Sinonim** ini merupakan kata arkaik atau perkataan itu 'agak jauh' maksudnya untuk dimuatkan dalam medan pemotongan. Tambahan pula, bagi kata arkaik ini, sukar untuk mendapatkan data korpusnya kerana perkataan ini amat jarang digunakan. Oleh itu, hanya beberapa perkataan sahaja yang dipilih.





1.6.2 Penganalisan Data

Terdapat dua cara yang digunakan untuk menganalisis data, iaitu:

- i. Menganalisis data korpus
- ii. Menganalisis kata entri **Kamus Dewan** Edisi Ketiga.

1.6.2.1 Penganalisan Data Korpus

Kajian ini memanfaatkan data korpus teks bahasa Melayu yang terdapat di Jabatan Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saiz korpus yang tersimpan dalam pangkalan data DBP pada masa ini hampir 30 juta perkataan. Saiz ini amat kecil jika dibandingkan dengan data korpus yang digunakan oleh COBUILD (Pangkalan Data Bahasa Antarabangsa Penerbit Collins dan Universiti Birmingham), iaitu sebanyak 380 juta perkataan (http://www.titania.cobuild.collins.co.uk/boe_info.html).





Data korpus yang dipilih terdiri daripada teks yang bersumberkan tulisan dalam kategori karya asli. Teks tersebut merupakan teks untuk bacaan peringkat pembaca umum dewasa. Teks tulisan tersebut diambil daripada buku, majalah dan akhbar. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pertimbangan golongan dewasa umum mewakili kelompok pengguna bahasa yang melangkaui batas laras bidang. Golongan remaja atau kanak-kanak umum tidak dipilih kerana perbendaharaan kata yang digunakan oleh mereka amat terbatas.



Daripada data korpus tersebut, baris-baris konkordans akan diteliti. Konkordans ialah himpunan kehadiran sesuatu perkataan dan setiap kata tersebut mempunyai lingkungan teksnya yang tersendiri. Dengan perkataan lain konkordans ialah indeks. Baris-baris konkordans ini dikeluarkan berdasarkan kata kunci dalam konteks. KWIC ini hadir di tengah-tengah baris dengan beberapa perkataan di sebelah kiri dan beberapa perkataan di sebelah kanan.





KWIC biasanya ditebalkan cetak hurufnya. Ini bertujuan untuk memudahkan penyusun melihat dengan jelas kata yang dianalisis. Disebabkan perkataan *memotong* merupakan kata kerja transitif, maka objek yang hadir selepas perkataan ini amat dipentingkan. Oleh itu, bagi memudahkan analisis, konkordans akan diisih kanan. Isih kanan ini membolehkan penyusun kamus untuk mengelompok-lompokkan makna berdasarkan kata yang berkolokasi dengan perkataan *memotong*.

Daripada analisis konkordans, dapat dikelompokkan bukti-bukti korpus. Antara bukti-bukti yang diperoleh ialah:

(a) Subjek atau Pelaku

Subjek atau pelaku yang diperoleh daripada baris konkordans terdiri daripada manusia dan bukan manusia. Manusia boleh sahaja manusia umum, sama ada manusia lelaki dewasa, atau tidak, atau wanita dewasa atau tidak. Manusia khusus pula merujuk kepada doktor. Bukan





manusia pula terdiri daripada badan-badan tertentu yang diberikan kuasa antaranya seperti kerajaan, Lembaga Penapis Filem dan Tenaga Nasional Berhad.

(b) Objek yang menerima akibat daripada perbuatan pelaku

Objek yang menerima akibat daripada perbuatan pelaku antaranya terdiri daripada bahagian badan manusia, haiwan, cukai, tumbuhan, kenderaan, percakapan dan bekalan air.



(c) Alat tertentu yang digunakan untuk memotong sesuatu

Alat yang digunakan untuk memotong terdiri daripada alat-alat yang tajam seperti pisau, kapak dan parang.

(d) Hasil sesuatu yang dipotong

Antara hasil sesuatu yang dipotong ialah bentuk nipis, halus dan rapi.





Disebabkan kata kerja merupakan kata ungkapan, maka tidak akan dijumpai cara sesuatu perkara itu dilakukan. Di sini penyusun akan menggunakan intuisinya sendiri, kamus-kamus lain atau informan untuk mengetahui bagaimana sesuatu perbuatan memotong itu dilakukan.

1.6.2.2 Penganalisisan Makna Kamus Dewan Edisi Ketiga.

Aspek pemerian makna dan jumlah makna yang dihasilkan oleh **Kamus Dewan** Edisi Ketiga



(KD3) bagi perkataan yang dikaji akan dilihat.

Setelah itu, kedua-dua aspek ini dibandingkan dengan makna dan jumlah makna yang dihasilkan daripada data korpus. Melalui analisis ini, persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya akan dilihat.

